

# Kolej Kediaman E UMS jayakan Open Day @ E

UB 6.5.2017 B6

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman E Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi berjaya menganjurkan Program Open Day @ E yang berlangsung di kolej kediaman berkenaan, baru-baru ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan kolej itu, ia dikendalikan oleh Exco Akademik, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) kolej berkenaan sebagai salah satu usaha memperkenalkan kolej itu kepada warga UMS, khususnya para pelajar Kolej Kediaman E sendiri.

Di samping itu, ia juga bagi memberi peluang kepada para pelajar kolej itu untuk bekerjasama dengan agensi luar khususnya agensi-agensi kerajaan.

Program selama dua hari itu disusun dengan matlamat untuk memperkenalkan keunikan Kolej Kediaman E yang juga dikenali sebagai

Kolej Berbudaya.

Open Day @ E turut menyaksikan pelbagai acara diadakan, antaranya Chillax Karaoke, Festival Nasyid serta beberapa acara lain seperti sukan rakyat, bola jaring, bola kampung dan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh Kelab Nur Eman.

Turut menjadi pengisian adalah pameran daripada Maybank, pembukaan kaunter daftar mengundi oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) serta Kempen

Derma Darah oleh Hospital Queen Elizabeth 1.

Majlis perasmian penutupan disempurnakan Pengerusi Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UMS Dr Mohd Nizam Nazarudin.

Turut hadir pada program itu, Pengetua Kolej Kediaman E Dr Syahrudin Hj Awang Ahmad, felo-felo Kolej Kediaman E, Majlis Ketua-ketua Sekretariat (MKKS), Majlis Ketua-ketua Blok (MKKB) dan Majlis Ketua-ketua Kelab (MKKK).



**AKTIVITI sepanjang Open Day @ E.**

